

## PEMBANGUNAN ASNAF DI SELANGOR MELALUI PROGRAM LATIHAN

### [THE DEVELOPMENT OF ASNAF IN SELANGOR BY TRAINING PROGRAMME]

MUHAMMAD FIRDAUS SUHAIMI,<sup>1</sup> ABDUL GHAFAR DON<sup>1\*</sup> & ANUAR PUTEH<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Correspondent Email: a.g.don@ukm.edu.my

*Received: 25 April 2021*

*Accepted: 10 June 2021*

*Published: 24 June 2021*

**Abstrak:** Golongan asnaf adalah kumpulan kumpulan masyarakat yang seringkali dikaitkan dengan masalah dalam kehidupan seperti kemiskinan, kemelaratan, bebanan hidup dan kejahilan. Faktor kefakiran dan kemiskinan ini boleh mendorong mereka kepada terjebak dalam anasir yang tidak sihat dan merosakkan. Keadaan hidup mereka yang mendesak perlu dibantu dengan tujuan meringankan bebanan, mengeluarkan dari belenggu kefakiran dan kemiskinan. Bagaimanapun dalam masa yang sama mereka perlu diberi latihan agar dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan tidak lagi bergantung kepada bantuan zakat. Artikel ini bertujuan menganalisis aspek pembangunan asnaf di Selangor melalui program latihan yang dilaksanakan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menemubual Dr Hajah Adibah Binti Abd Wahab Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf LZS (MAIS) dan Timbalan Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf Encik Nurhisham Bin Shamsir bagi mendapatkan data tentang bentuk latihan yang diberikan kepada asnaf zakat di Selangor. Kajian mendapati LZS telah melaksanakan program-program pembangunan dalam bentuk Latihan, agar dapat membentuk peribadi asnaf di Negeri Selangor supaya keluar dari kepompong kemiskinan. Program dirangka secara khusus bagi tujuan membangunkan modal insan golongan asnaf fakir dan miskin melalui kursus dan latihan kemahiran. Ia meliputi aspek motivasi, sikap dan kekeluargaan dengan penekanan menerusi kursus-kursus kerohanian, *tahsinul* ibadah, *tahsinul* qiraat, kursus keibubapaan dan latihan-latihan berbentuk program pembangunan ekonomi, pembangunan institusi agama seperti masjid, surau dan sekolah. Menerusi pembangunan institusi LZS telah menubuhkan Pusat Kecemerlangan Anak Asnaf (*Bait-Al Hasanah*), Rumah Perlindungan Asnaf (*Bait As Salam*), Rumah Penjagaan Orang Tua (*Bait Al-Mawaddah*) dan Pusat Latihan Asnaf Selangor (PLAS).

**Kata Kunci:** Pembangunan Asnaf, Lembaga Zakat Selangor, Program latihan, Kemiskinan, Kemelaratan.

**Abstract:** Asnaf is a group of people who are often associated with problems in life such as poverty, destitution, burden of life and ignorance. Poverty and destitution can lead them to get caught up in unhealthy and destructive elements. Their pressing living conditions need to be helped with the aim of lifting the burden, removing from the shackles of poverty and destitution. However, at the same time they need to be given training in order to get out of the cocoon of poverty and no longer depend on zakat assistance. This article aims to analyse aspects of asnaf development in Selangor through training programs implemented by the Lembaga Zakat Selangor or Selangor Zakat Board (LZS). This study uses a qualitative study design by interviewing Dr Hajah Adibah Binti Abd Wahab Head of Asnaf

Development Division LZS (MAIS) and Deputy Head of Asnaf Development Division Encik Nurhisham Bin Shamsir to obtain data on the form of training given to zakat asnaf in Selangor. The study found that LZS has implemented development programs in the form of training, in order to shape the personal asnaf in the State of Selangor to get out of the cocoon of poverty. The program is specifically designed for the purpose of developing the human capital for the poor and needy through courses and skills training. It covers aspects of motivation, attitude and family with emphasis through spiritual courses, tahsinul ibadah, tahsinul qira'at, parenting courses and and trainings in the form of economic development programs, development of religious institutions such as mosques, suraus and schools. Through institutional development, the LZS has established a center of excellence for asnaf children (Bait-Al Hasanah), asnaf shelter (Bait As Salam), old people's care home (Bait Al-Mawaddah) and Selangor Asnaf Training Center (PLAS).

**Keywords:** Asnaf Development, Lembaga Zakat Selangor, Training Programme, poverty, destitution.

**Cite This Article:**

Muhammad Firdaus Suhaimi, Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh. 2021. Pembangunan asnaf di Selangor melalui program latihan [The development of asnaf in Selangor by training programme]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 88-100.

## PENGENALAN

Dakwah merupakan seruan kepada kebaikan, bertujuan untuk mengubah dan membangun kehidupan manusia ke arah lebih baik seterusnya mencapai keredaan Allah di dunia dan di akhirat. Ia memerlukan pelbagai cara atau pendekatan tertentu bergantung kepada sasaran yang dihadapi. Dalam konteks masyarakat berbilang kaum dan bangsa seperti Malaysia, golongan fakir dan miskin perlu disantuni dengan kepelbagaian metode penyampaian dalam mengubah kehidupan mereka usaha atau peranan dakwah yang dilakukan oleh pelbagai pihak terhadap golongan ini perlu diperkemas dengan pelbagai metode yang bersesuaian. Hal ini penting untuk memudahkan dan membangunkan kehidupan mereka agar lebih teratur dan lancar. Jika melihat keadaan masyarakat di negara kita, peranan dakwah amat penting dalam membangunkan golongan sasaran seperti asnaf menerapkan nilai-nilai akhlak mulia Islam supaya menjadi amalan dan cara hidup sesebuah masyarakat. Usaha-usaha ini memerlukan panduan dan iktibar daripada tokoh dakwah paling agung dan menjadi ikutan umat Islam iaitu Rasulullah S.A.W.

Baginda telah menggunakan pelbagai pendekatan sepanjang menjalankan aktiviti dakwahnya. Misalnya penerapan amalan bantu-membantu, bersatu padu, toleransi, bersikap ihsan, nilai teladan baik, hormat-menghormati orang lain dan sebagainya. Teladan Rasulullah S.A.W dalam pelbagai aspek termasuklah dakwah dalam membangunkan manusia telah digambarkan dalam Surah al-Ahzab, ayat 21 sebagaimana Firman Allah:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, Iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)

Di Malaysia, tanggungjawab menguruskan pungutan dan pengagihan zakat terletak di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti Majlis Agama Islam Johor, Majlis Agama Islam Kelantan dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu. Terdapat beberapa negeri yang menswastakannya dan meletakkan pengurusan pungutan dan agihan zakat di bawah badan yang khusus seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, Lembaga Zakat Selangor, Pusat Zakat Sabah, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dan Pusat Zakat Melaka (Sanep Ahmad et.al., 2006). Setiap Pusat Zakat Negeri menggembelng tenaga bagi menubuhkan Pusat Latihan Asnaf dilihat memberikan banyak manfaat dalam pembangunan manusia, seterusnya mengeluarkan mereka dari garisan kemiskinan dan kefakiran selamanya.

Kajian ini cuba menganalisis program pembangunan latihan yang dilaksanakan Divisyen Pembangunan Asnaf (LZS) kepada golongan asnaf di Negeri Selangor sebagai inisiatif mengeluarkan asnaf fakir miskin dari belenggu kemiskinan seterusnya membina kesejahteraan hidup mereka.

## KAJIAN LITERATUR

### A. Konsep Latihan dan Pembangunan dalam Islam

Dimensi Islam meliputi segenap lapangan kehidupan manusia termasuklah latihan bagi tujuan pembangunan manusia. Konsep latihan dalam membangunkan manusia kepada kehidupan yang lebih baik telah diisyaratkan Allah dalam al-Qur'an melalui wahyu pertama kepada Rasulullah S.A.W melalui budaya '*iqra*' (membaca) sebagaimana termaktub dalam Surah al-'Alaq, ayat 1 & 3. Membaca sebagaimana ditegaskan dalam ayat ini adalah sebahagian daripada proses latihan bagi melahirkan insan yang berilmu, beradab dan berbudaya dalam masa yang sama menghapuskan kejahilan yang menjadi punca kepada pelbagai masalah kehidupan.

Beberapa istilah mempunyai kaitan secara langsung dengan latihan dalam Islam. Antara istilah yang biasa digunakan bagi merujuk kepada latihan ialah '*tamrin*' dan '*ta'dib*'. Menurut Muhammad Naquib Al-Attas (1991) perkataan '*ta'dib*' berasal dari akar kata "*adab*". "*Adab*" menurut Al-Attas ialah asas kepada proses pendidikan dan latihan. Adab akan menjadikan seseorang berdisiplin sama ada dari sudut mental mahupun fizikal atau tubuh badan.

Pembangunan latihan dalam Islam bermula dengan tumpuan membangunkan manusia dalam aspek kerohanian dan moral yang kemudiannya akan termanifestasi ke dalam bentuk atau aspek fizikal. Mastura dan Sharil (2018) menyatakan bahawa latihan dan pembangunan hendaklah dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan kepercayaan atau iman terhadap Tuhan. Apa yang diutarakan oleh Mastura dan Shahril ini mempunyai asas yang jelas di mana peningkatan dan pengukuhan iman seseorang terhadap Allah akan mendorong seseorang untuk maju, lebih progresif dan cemerlang dengan berusaha mengubah kehidupan mereka.

Pembangunan latihan Islam adalah bersifat sepadu. Ini selaras dengan pandangan Syukri Salleh (1990) yang menyatakan bahawa pembangunan dan latihan berteraskan Islam merujuk kepada satu proses pembangunan yang komprehensif, bersepadu dan seimbang. Ia melibatkan semua aspek kehidupan seseorang, baik di peringkat individu mahupun komuniti. Ia merangkumi aspek pembangunan rohani dan jasmani. Ia juga lahir daripada pelaksanaan fungsi individu dalam institusi sebagai hamba Allah SWT dalam perspektif perhubungan menegak (*habl min Allah*) dan khalifah Allah SWT dalam perspektif hubungan mendatar (*habl*

*min al-Nas*). Selain memberi fokus kepada aspek dalaman (iman dan kepercayaan), aspek luaran juga penting dalam pembangunan insan. Justeru, penumpuan latihan Islam turut diberikan kepada aspek peningkatan ilmu dan kemahiran (knowledge and skills). Peningkatan ilmu mempunyai kaitan dengan minda. Justeru, untuk merubah kehidupan, ia bermula dengan perubahan minda. Seseorang perlu mempunyai set minda yang betul (the right mind-set). Set minda yang betul akan menghasilkan sesuatu yang berkualiti.

Sehubungan dengan itu juga, pelaksanaan program latihan hendaklah dalam rangka memanusaiakan insan (*insaniyatul insan*-Bahasa Arab; atau to humanize human beings- Bahasa Inggeris) dengan menekankan keharmonian/keseimbangan hubungan manusia dan persekitaran.

#### b. Kepentingan Latihan dalam Islam

Kepentingan latihan dan bimbingan mempunyai asas yang jelas seperti mana yang telah ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah S.A.W. Antara contohnya kepentingan latihan dalam Islam ialah inisiatif Baginda mengutuskan seorang sahabat bernama Muaz Bin Jabal R.A ke Yaman -menggambarkan kepentingan latihan dan bimbingan. (Al-Mubarakfuri, 2011). Hadith baginda berkaitan pengutusan Mu'az ke Yaman dalam konteks latihan pembangunan ummah ini ialah seperti berikut:

“Muaz Radiyallahhu Anhu telah menceritakan kisah dan apa yang telah diajar oleh Rasulullah S.A.W kepadanya, kata Muaz: Nabi S.A.W telah mengutusku ke Yaman dan Nabi S.A.W. telah bersabda: “Wahai Muaz! sesungguhnya engkau akan diutuskan kepada Ahli Kitab, maka serulah mereka kepada penyaksian (syahadah) bahawa sesungguhnya tiada tuhan selain Allah dan sesungguhnya aku adalah Rasulullah (utusan Allah), sekiranya mereka boleh menerima dan mentaatimu pada perkara itu, maka ajarkanlah mereka tentang kefarduan solat lima waktu sehari semalam yang telah diperintahkan oleh Allah, sekiranya mereka boleh menerima dan mentaatimu pada perkara itu, maka ajarkanlah mereka tentang kefarduan zakat yang mana harta dari golongan yang kaya di antara mereka diagihkan kepada golongan yang miskin di kalangan mereka, sekiranya mereka boleh menerima dan mentaatimu, maka waspadalah dirimu terhadap kemuliaan harta mereka, takutlah dirimu akan doa orang yang dizalimi kerana sesungguhnya tiada hijab di antara doa mereka dan Allah S.W.T.” (Hadith *Al Bukhari*, Kitab Tauhid, bab Dakwah Nabi kepada ummatnya pada mentauhidkan Allah, Hadith 7372, 4:378)

Hadith ini memerihalkan kepada kita, mengenai konsep dan praktikal yang telah diajarkan oleh Rasulullah S.A.W kepada Muaz Bin Jabal R.A, mengenai pengimaran muka bumi ini dengan peranan manusia untuk mengeluarkan mereka dari kepompong kesesatan dengan mentauhidkan Allah S.W.T seterusnya melalui amal ibadah sebagai proses tarbiyyah membangunkan manusia yang mempunyai identiti dan jatidiri yang kuat. Model latihan yang diberikan Rasulullah kepada Muaz ini menjadi panduan berguna dalam konteks latihan pembangunan insan masa kini termasuklah latihan pembangunan asnaf zakat.

Selain hadith tersebut, terdapat hadith lain yang turut menegaskan tentang misi dan kepentingan latihan dalam Islam. Baginda bersabda dalam sebuah Hadith:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَلْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ، إِحْرَصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَاسْتَعِزْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ: لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا، وَلَكِنْ قُلْ: قَدَّرَ اللَّهُ وَمَا شَاءَ فَعَلَنَ، فَإِنْ لَوْ تَفْتَحَ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu , beliau berkata, Rasulullah S.A.W bersabda, Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai Allah S.W.T daripada Mukmin yang lemah, dan pada keduanya ada kebaikan. Bersungguh-sungguhlah untuk mendapatkan apa yang bermanfaat bagimu dan mintalah pertolongan kepada Allah (dalam segala urusanmu) serta janganlah sekali-kali engkau merasa lemah. Apabila engkau tertimpa musibah, janganlah engkau berkata, Seandainya aku berbuat demikian, tentu tidak akan begini dan begitu, tetapi katakanlah, Ini telah ditakdirkan Allah, dan Allah berbuat apa saja yang Dia kehendaki, kerana ucapan seandainya akan membuka (pintu) perbuatan syaitan. (Diriwayatkan oleh Muslim (no. 2664); Ahmad (II/366, 370); Ibnu Majah (no. 79, 4168); an-Nasa-i dalam Amalul Yaum wal Lailah (no. 626, 627); at-Thahawi dalam Syarh Musykilil Aatsar (no. 259, 260, 262); Ibnu Abi Ashim dalam Kitab as-Sunnah (no. 356). Disahihkan oleh Syaikh al-Albani rahimahullah dalam Hidayatur Ruwat ila Takhriji Ahaditsil MashabihwalMisykât (no.5228).

Hadith ini begitu signifikan dalam konteks latihan bagi tujuan mengubah nasib umat Islam supaya menjadi umat yang kuat dan tidak bergantung kepada orang lain. Umat Islam sebagaimana ditegaskan dalam hadith tersebut hendaklah bersikap pro-aktif dan tidak merasa lemah dalam kehidupan. Mereka hendaklah menjadi umat yang kuat dan sentiasa berusaha mengubah nasib dalam hidup. Justeru ia mempunyai hubungan yang rapat dengan tujuan latihan asnaf agar melalui latihan yang diberikan akan mampu mengeluarkan mereka dari garis kemiskinan. Seterusnya tidak lagi bergantung kepada sumber zakat, malah mampu menjadi penyumbang kepada zakat.

## METODE KAJIAN

Kajian ini ialah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah berikut, iaitu:

Kaedah Pengumpulan Data: Pengumpulan data kajian ini diperolehi melalui dua metode berikut:

### a. Metode Analisis Dokumen

Analisis dokumen adalah penting untuk mendapatkan tahap kajian sesuatu penyelidikan yang lebih baik dan benar. Ahmad Sunawari Long (2005) juga berpendapat sedemikian. Beliau menambah bahawa kajian ini akan membantu penyelidik untuk memperolehi maklumat secara lebih mendalam terhadap apa yang dikaji, dapat menyusun dan mengenal pasti masalah yang dikaji, menajamkan perasaan untuk meneliti, membuat analisis yang lebih kritis dan memperluaskan pengalaman ilmiah. Analisis dokumen menurut beliau boleh diperolehi melalui dokumen-dokumen sejarah, laporan statistik, rekod institusi atau organisasi serta laporan atau

rekod pentadbiran. Ini termasuk juga rekod kesihatan serta butiran kelahiran dan kematian serta peristiwa-peristiwa penting. Beliau juga menegaskan bahawa penyelidik perlu mengutamakan sumber primer daripada sumber sekunder kerana ia lebih sah dan mempunyai nilai akademik yang tinggi. Oleh yang demikian, penyelidik menggunakan data sekunder sebagai sokongan, penambahan dan memperincikan lagi serta mendalami pengetahuan penyelidik dari aspek teoritikal (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah 2009).

Bagi tujuan mendapatkan data melalui kaedah analisis dokumen sumber rujukan yang digunakan ialah buku, kertas kerja, jurnal, laporan dan dokumen LZS berkaitan subjek kajian. Data-data analisis dokumen ini penting bagi membina landasan teori kajian.

#### b. Metode Temubual

Penyelidikan kualitatif banyak bergantung kepada temubual terutama temubual secara terbuka dalam mengumpul maklumat. Kahn dan Cannell (Marshall & Rossman, 1957) mendefinisikan temu bual sebagai 'perbualan bertujuan' (conversation with a purpose). Tujuan utama temubual adalah untuk mendapatkan maklumat yang khusus. Mengikut Patton (1990 : 196), penyelidik hendak mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang. Keputusan untuk menjadikan temu bual sebagai metode utama pengumpulan data berasaskan kepada maklumat yang diperlukan berkaitan dengan tajuk penyelidikan dan ia merupakan kaedah yang terbaik.

Kaedah temubual adalah untuk mendapatkan data dalam kajian ini melalui temubual antara penulis dengan responden. Menurut Ahmad Sunawari Long (2005), kaedah temubual adalah kaedah langsung untuk mendapatkan data berbentuk pandangan daripada responden iaitu hubungan dua hala di antara penyelidik dan responden. Soalan temubual kepada informan kajian ialah temubual berstruktur. Metode ini memberi suasana yang fleksibel kepada penyelidik untuk menyoal soalan dan mendapat maklum balas daripada responden. Kaedah temubual berstruktur merupakan satu bentuk temubual yang terkawal di mana penemuramah berperanan sebagai moderator menyediakan soalan-soalan dan memandu jawapan yang akan diberikan responden. Kelebihan kaedah ini ialah penyelidik dapat mengawal suasana dan pencapaian objektif kajian, menjimatkan kos, masa dan kewangan, memudahkan pemindahan data serta dapat membuat perbandingan data perolehan dengan penyelidik lain. Ia boleh dilakukan melalui cara temubual melalui telefon, temubual bersemuka dan perbincangan kumpulan yang berfokus.

Respondan yang ditemubual untuk data kajian ini adalah terdiri daripada pegawai Divisyen Pembangunan Asnaf (LZS) yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pengendalian latihan pembangunan asnaf zakat di Negeri Selangor yang boleh memberikan info atau maklumat serta data berkaitan program latihan asnaf.

#### **Kaedah Analisis Data**

Data-data kajian daripada analisis dokumen dan temubual dianalisis secara tematik di mana tema-tema tertentu dibentuk bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Pembentukan tema dalam analisis ini penting bagi memudahkan pengkaji atau pembaca mengetahui dapatan kajian yang dilakukan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan Kajian ini dapat dibahagikan berdasarkan kepada item-item berikut, iaitu:

### 1. Objektif Latihan Pembangunan Asnaf

Berdasarkan dapatan kajian, objektif Latihan Pembangunan Asnaf, LZS ialah:

- a. Memperkasa pengurusan pembangunan asnaf, agar lebih berfokus dan tersusun, untuk memberikan jalan keluar selamanya dari kepompong kemiskinan kepada golongan asnaf di Negeri Selangor.
- b. Memaksimumkan program yang dirangka melalui Divisyen Pembangunan Asnaf (DPA), melalui jabatan di bawah DPA seperti Pembangunan Insan dan Ekonomi, Pengurusan Pendidikan, Pembangunan Muafak serta Pengurusan Institusi.
- c. Meningkatkan keberkesanan program Latihan pembangunan asnaf melalui proses education atau pendidikan pada masyarakat dan terutama pada asnaf itu sendiri. DPA membukukan kisah-kisah kejayaan asnaf LZS, bahkan memberikan anugerah dan ikon asnaf yang cemerlang dan berjaya.
- d. Meningkatkan keyakinan Asnaf melalui program Latihan pembangunan asnaf. Contohnya Divisyen Pembangunan Asnaf menganjurkan Program Induksi yang merupakan inisiatif baharu DPA dengan mewajibkan kehadiran mereka untuk mendedahkan apakah tanggungjawab LZS kepada asnaf, dan apakah tanggungjawab asnaf kepada LZS. Contoh lain ialah tanggungjawab LZS kepada asnaf melalui program bantuan sara diri, kursus keusahawanan, pembangunan kerjaya, program kerohanian, bantuan persekolahan, dan modal perniagaan. Justeru itu, tanggungjawab Asnaf kepada LZS pula adalah memastikan maklumat yang didapati itu betul, berusaha untuk memaksimumkan pendapatan tanpa berharap sepenuhnya pada LZS, dan yang fokus utama asnaf wajib membangunkan diri mereka terlebih dahulu.

Berdasarkan objektif tersebut, dapatlah dirumuskan LZS sentiasa berusaha agar program latihan asnaf dapat dilaksanakan secara teratur, berterusan dan memanfaatkan segala sumber dan potensi yang ada. Seterusnya membina dan meningkatkan keyakinan asnaf agar berupaya mengubah kehidupan mereka setelah menjalani program latihan di LZS.

### 2. Cabaran Berkaitan Latihan Pembangunan Asnaf

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat tiga cabaran yang dikenalpasti dalam konteks latihan pembangunan asnaf, iaitu:

- a. Asnaf yang terlibat terlalu selesa dalam bantuan yang diberikan setiap bulan. Terdapat rekod dalam data LZS, cubaan memohon bantuan zakat dalam lingkungan keluarga yang sama. Contohnya terdapat kes di mana ibu bapa menerima bantuan zakat dan dalam masa yang sama datuk nenek pemohon juga terima bantuan. Pemohon juga berusaha keras mahu mendapatkan bantuan zakat meskipun tidak layak kerana ketua

- keluarga telah mewakili bagi setiap ahli keluarga asnaf dari sudut bantuan yang diterima.
- b. Cabaran corak pemikiran dalam kalangan asnaf yang sukar untuk berubah kerana terbiasa dan terlalu selesa menerima bantuan. Meskipun pelbagai platform telah diwujudkan seperti kursus, modul, peluang, modal peniagaan bagi program keusahawanan asnaf, namun jika corak pemikiran para asnaf tidak berubah, mereka tetap akan berada ditakuk lama kehidupan. Justeru itu asnaf yang berfikiran positif akan berusaha untuk keluar dari kepompong kemiskinan seterusnya menjadi produk asnaf yang berjaya.
  - c. Terlalu ramai asnaf yang direkodkan oleh LZS iaitu lebih 60 ribu keluarga seluruh Negeri Selangor yang berdaftar mengikut data. Bilangan ini meningkat tiap tahun, namun 50% asnaf yang dibantu itu masih kuat tubuh badan, dan masih lagi boleh berkerja mengikut kemampuan. Sehubungan dengan itu, adalah penting asnaf yang dibantu perlu ada kekuatan pada diri sendiri untuk bangkit dari kepompong kemiskinan selamanya.

Cabaran-cabaran tersebut di atas jika dianalisis dan diperhatikan, ianya jelas berkaitan dengan sikap asnaf. Oleh itu, usaha dan modul latihan yang diwujudkan perlu juga memberi tumpuan terlebih dahulu bagi mengubah sikap asnaf sebelum lain-lain bentuk latihan diberikan.

### **3. Bentuk dan Pendekatan dalam Pembangunan Asnaf**

Kajian ini mendapati LZS melalui Divisyen Pembangunan Asnaf, DPA telah melaksanakan program latihan seperti berikut yang merupakan hasil temubual penulis bersama responden, Encik Nurhisham B. Shamsir Pegawai Divisyen Pembangunan Asnaf :

#### **a. Program pembangunan usahawan**

Menurut kajian (Sanep, 2012) usahawan asnaf secara umumnya dapat difahami sebagai Golongan asnaf yang khususnya dalam kumpulan fakir dan miskin yang ingin ditransformasikan daripada asnaf bukan produktif menjadi asnaf produktif menerusi platform keusahawanan. Kelompok ini akan diberikan bantuan modal perniagaan dan bimbingan yang diperlukan bagi membolehkan mereka bergelar usahawan, manakala Isma Addi (2007) mendefinisikan usahawan asnaf sebagai individu yang perlu melalui suatu proses penciptaan usaha niaga bagi memastikan mereka mampu memikul bebanan tanggungjawab sebagai usahawan serta mempunyai keyakinan untuk menyertai bidang perniagaan dengan rangsangan berupa dorongan dan bantuan daripada institusi zakat. Proses penciptaan usaha niaga merupakan fasa atau peringkat tertentu yang perlu dilalui sebelum golongan ini menjadi usahawan dengan bantuan, dorongan dan bimbingan daripada institusi zakat di negeri masing-masing. Namun begitu, terdapat beberapa kekurangan dan halangan yang mampu merencatkan proses ini perlu ditangani terlebih dahulu oleh peserta yang terlibat seperti kekurangan modal, kekurangan pengetahuan pengurusan, kekurangan kemahiran dan pekerja berbakat, kekurangan keupayaan dan sukar mendapat khidmat pakar serta kekurangan kualiti sebagai usahawan berjaya (Siti Norbay, 2011).



Dua syarat utama yang ditetapkan bagi mereka yang berminat menyertai program pembangunan keusahawanan ini iaitu terdiri dari kalangan asnaf fakir, miskin atau muafak dan setiap program yang dianjurkan oleh LZS perlu diikuti. Asnaf selain fakir, miskin dan muafak yang berminat dengan program ini boleh mengemukakan permohonan namun mereka perlu melalui proses pendaftaran terlebih dahulu dan penilaian berkaitan permohonan mereka hanya akan diputuskan setelah aktiviti bantukan fakir dan miskin yang dijalankan pada setiap tahun oleh pihak LZS selesai. Peserta yang terpilih akan menerima bantuan daripada pihak LZS dalam bentuk pemberian modal, kursus dan motivasi perniagaan, pemantauan dan bimbingan, pengiklanan perniagaan serta insentif khas bagi asnaf yang Berjaya (Khairul Azhar Meerangani, 2019).

Enam kategori perniagaan yang ditetapkan menjadi keutamaan oleh pihak LZS iaitu perniagaan, pertanian, penternakan, perikanan, perkhidmatan, pemakanan dan peruncitan. Setiap peserta dibenarkan memilih kategori perniagaan berdasarkan kecenderungan sendiri serta kehendak pasaran semasa (Lembaga Zakat Selangor, 2015)

#### **b. Program pembangunan kerohanian**

Program Pembangunan Kerohanian diwujudkan khusus untuk memperkasakan golongan asnaf fakir dan miskin melalui kursus dan latihan kemahiran. Ia bertujuan untuk melahirkan golongan dasar yang berkeyakinan diri, berdaya usaha dan berilmu dari semua lapisan golongan asnaf. Malah secara tidak langsung, Program Pembangunan Kerohanian yang dijalankan ini mendidik asnaf ke arah pentingnya penghayatan tuntutan agama dalam kehidupan bagi mewujudkan masyarakat yang seimbang dari segi duniawi dan ukhrawi (Suhaimi, 2017)

Melalui program-program tersebut DPA (LZS) telah merangka agenda dalam membentuk asnaf yang bukan sahaja mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan, tetapi juga dapat memenuhi keperluan rohani menjadi insan yang menghambakan diri kepada TuhanNya. Pada setiap program ini memberikan keutamaan kepada tiga asnaf utama iaitu asnaf fakir, miskin dan muafak.

Menurut (Emie, 2021) LZS paling mementingkan dan menitikberatkan aspek spiritual dalam pembangunan rohani golongan asnaf fakir miskin terlebih dahulu sebelum aspek material dibangunkan. Program *Islah* dan *Tahsinul Ibadah* merupakan aspek spiritual yang ditekankan oleh LZS.

Sebagai contoh dalam program berkaitan usaha *Islah* dan *Tahsinul Ibadah*, DPA (LZS) menitikberatkan agar setiap masjid akan menjalankan pelbagai program seperti: Tahsin solat, kursus pengurusan jenazah serta kursus keluarga saadah. Selain itu, turut juga dianjurkan ialah program motivasi, menyantuni asnaf sakit, terlantar serta pelbagai lagi. Masjid Jamiul Muhammadiyah, Kampung Kuantan, Kuala Selangor antara masjid yang mempunyai ramai asnaf fakir dan miskin yang berdaftar dengan LZS. Bagi setiap program, pemantauan terhadap perjalanan aktiviti dilaksanakan malah masjid perlu menghantar laporan kepada LZS. Program Pembangunan Kerohanian ini memberi kesan positif apabila ramai golongan sasaran semakin dekat dengan masjid. Melalui program ini, golongan asnaf bukan saja mendekatkan mereka dengan masjid tetapi meningkatkan keyakinan golongan ini untuk bermasyarakat. Malah ada antara mereka memberi khidmat kembali kepada masyarakat (Harian Metro, 2017)

**c. Program pembangunan kerjaya**

**Program pembangunan kerjaya yang dilaksanakan oleh LZS ialah:**

- i. Program Pembangunan Ekonomi (PPE) ataupun kerjaya dalam usaha untuk mengagihkan zakat secara produktif. Program ini bertujuan membantu golongan fakir miskin yang berdaya maju dan mempunyai potensi untuk menjalankan perniagaan dengan memberi modal kepada mereka untuk menjalankan perniagaan. Hal ini bagi membolehkan para asnaf mempunyai kemampuan dan kredibiliti untuk menjana pendapatan sendiri menerusi perniagaan yang dijalankan sehingga akhirnya mereka mampu membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan dan yang paling penting menjadi pembayar zakat yang konsisten untuk membantu orang lain pula. Selain itu, pihak LZS turut menyediakan latihan dan kursus kerjaya untuk para peserta program berkaitan keusahawanan dalam usaha meningkatkan motivasi diri, keyakinan serta pengetahuan dalam bidang perniagaan ini. Hal ini bagi membolehkan para usahawan asnaf menerima bimbingan dan pemantauan secara berterusan sehinggalah mereka berjaya dalam perniagaan yang dijalankan (Khairul Azhar, 2018).
- ii. LZS turut menubuhkan Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) sebagai suatu platform membina jaringan perniagaan serta medium perbincangan dan pertukaran maklumat peserta supaya mereka tidak bersendirian dan mampu menongkah arus cabaran dalam dunia perniagaan secara bersama-sama. Jalinan kerjasama turut diwujudkan dengan agensi-agensi tertentu seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dalam usaha mempelbagaikan lagi ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh usahawan asnaf (skillsjohor.edu.my, 2019)
- iii. Mewujudkan jalinan kerjasama Lembaga Zakat Selangor dengan Skills Johor dalam program kebolehpasaran dan pembangunan belia asnaf Selangor. Program Latih Kerja Belia Selangor (PLKBS) merupakan inisiatif bersepadu LZS untuk terus memperkasa ekonomi belia asnaf Selangor menerusi program latihan intensif dengan objektif menyediakan platform pembangunan kerjaya seterusnya peluang pekerjaan dalam rangkaian industri perkhidmatan, peruncitan dan hospitaliti. Belia asnaf Selangor yang menepati syarat yang telah ditetapkan untuk menyertai program ini bagi menambah mata pencarian keluarga seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka. Sepanjang program tersebut berlangsung, mereka telah dididik dan dilatih berdasarkan modul kemahiran teknikal dan insaniah yang terkini dan berkesan daripada Skills Johor (skillsjohor.edu.my, 2019).
- iv. Program latihan lain ialah MySkill. Ia adalah merupakan sebuah pilot program kerjasama pintar diantara CIDB Malaysia dan Lembaga Zakat Selangor yang menyediakan tajaan penuh untuk mengikuti latihan kemahiran kompetensi. Program ini bertujuan untuk melahirkan pekerja mahir yang berkualiti dan kompeten di dalam industri melalui latihan kemahiran kompetensi yang jitu dan seterusnya mengiktirafkan kumpulan sasaran dengan pensijilan kompeten. Ini sekaligus, dapat meningkatkan nilai profesionalisme dan efisiensi di tapak bina. Mereka yang terdiri daripada anak-anak asnaf dan fakir miskin yang berdaftar dibawah Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang

- berumur 18 tahun sehingga 25 tahun dan memenuhi syarat tertentu (skillsjohor.edu.my, 2019)
- v. LZS juga menghantar asnaf sebagai peserta program yang akan menjalani latihan kemahiran di Akademi Binaan Malaysia (ABM). Durasi latihan kemahiran adalah bergantung kepada keperluan kursus yang menjadi pilihan. Semasa pelatih menjalani latihan kemahiran, aktiviti kerohanian & kepimpinan akan diselitkan bagi membentuk sahsiah dan jati diri pelatih. Di akhir latihan kemahiran, pelatih akan diberikan ujian penilaian kompetensi kemahiran bagi memastikan tahap kebersediaan pelatih sebelum diberi penempatan kerja yang bersesuaian dengan tred pelatih bersama pemain industri utama di Malaysia (skillsjohor.edu.my, 2019)

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, dapatlah dirumuskan bahawa program pembangunan asnaf bermatlamat melahirkan golongan asnaf yang mampu keluar dari kepompong kemiskinan di samping mengandungi elemen-elemen tarbiyyah atau pendidikan. Nilai-nilai yang diterap dalam latihan seperti berkeyakinan diri, berdaya usaha, mampu berdiri dengan kemampuan diri dan berilmu menjadi pendorong melahirkan asnaf yang sejahtera dan sempurna kehidupannya. Pemilihan asnaf menyertai program latihan ini adalah berkisar kepada asnaf yang mempunyai kemampuan kewangan yang terhad untuk menampung keluarga yang besar, ketidakmampuan untuk bekerja selepas menghadapi kemalangan, kehilangan sumber nafkah (suami) sebagai sumber pendapatan utama dan ketiadaan pekerjaan yang tetap dan stabil bagi menyara keluarga.

Peranan LZS dalam program pembangunan asnaf melalui latihan adalah bersifat sepadu yang menggabungkan aspek pembangunan material dan rohani. Kedua-dua gabungan ini berperanan penting dalam membina dan melahirkan umat Islam sebagai '*khayra ummah*' (umat terbaik, (Q, Ali 'Imran, 3:110) dan 'ummatan wasatan' (umat wasatiyyah, Q, Al-Baqarah, 2:148) yang akan mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat (*sa'adah fiddarain*).

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian dapatlah dirumuskan bahawa Divisyen Pembangunan Asnaf LZS telah memainkan peranan penting dalam usaha mengubah kehidupan asnaf melalui program latihan yang dilaksanakan. Antara tumpuan latihan LZS ialah mendorong asnaf menghayati cara hidup berteraskan akhlak yang mulia. Pembinaan akhlak dan penghayatan nilai Islam dalam kehidupan penting dalam melahirkan modal insan yang mensyukuri nikmat rezeki yang dianugerahkan Allah di samping membina peribadi yang mempunyai harga diri dengan tidak terlalu mengharapkan bantuan pihak lain. Fokus juga diberikan dalam melahirkan modal insan yang berupaya menjana pendapatan melalui latihan kemahiran dan keusahawanan. Oleh itu, dalam konteks jangka masa panjang berupaya mengeluarkan mereka daripada status asnaf kepada pengeluar zakat. Usaha-usaha ini telah menampakkan hasil di mana telah ramai golongan asnaf yang berupa menjana pendapatan yang lumayan sehingga menjadi penyumbang tetap kepada zakat.

## RUJUKAN

- Al-Quran Terjemahan. (2008). *Al-Quran dan Terjemahan Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur : Dar Ei-Fajr.
- A R, Azman & A K, Hasanah. (2015). *Ensiklopedia Asnaf Dan Skim Agihan Zakat Di Malaysia*. Nilai :USIM Press.
- Ab Aziz Mohd Zin. (2006) *Dakwah Islam Semasa Konsep Dan Perlaksanaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh & Ahmad Redzuwan Yunus, M. (2009). *Islam dan Saudara Kita*. Shah Alam: BPI, MAIS.
- Abdul Ghafar Don, Berhanudin Abdullah & A. G. Zulkiple. (2000). *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia Konsep dan Perlaksanaan*. Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia. (UKM). Selangor.
- Abdul Ghafar Don. (1998). *Dakwah Kepada Non-Muslim Di Malaysia : Konsep, Metod dan Pengalaman*. Tesis yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia. (UKM). Selangor.
- Abdullah M. Basameh,. (1987). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri,
- Amran Kasimin. (1985). *Saudara baru Cina di Wilayah Persekutuan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon. (1994). *Mengamalkan Islam Dalam Budaya Asal*. *Al-Islam*. Januari: 11-12.
- Anon. (1994). *Nikmat dan Rahmat Yang Patut Dijaga*. *Al-Islam*. April: 47.
- Anuar Puteh,. (1999). *Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina di Kuala Lumpur* UKM.
- Anuar Puteh,. (2005). *Keperluan Bimbingan Kepada Saudara Baru*. Dlm. Che Yusoff, M. Zin A. (1997). *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia. (UKM). Selangor.
- Anuar Puteh,. (2008). *Bimbingan al-Qur'an saudara baru di Lembah Klang*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmawati Desa. (2001). *Psikologi untuk Golongan Profesional*. Malaysia sGhallusy. A. (1990). *Dakwah Islamiah*. Terengganu : Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Al-Attas, S. N. (1991). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Baba, A.G. (2011): hlmn 214. *Fiqh Zakat Malaysia : Asnaf Muallaf*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) & Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ) : UiTM. Shah Alam. Selangor.
- Baharuddin Sayin, Zaki .A, Latiff. A, Mat Rani, Mohd Afandi. (2014). *Pengurusan Zakat Di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman & Hala Tuju*. Aakademi Pengajian Islam Kontemporari. Shah Alam : UiTM Press.
- Bahrom, Hasan & Yaakub Ezani. (2006). *Pengurusan Zakat Semasa*. Shah Alam: UPENA UiTM.
- Fuadah Johari, Aziz, M. Ridhwan Ab, Ibrahim, M.Faisol & M.Ali, A. Fahme. (2013). *Zakat distribution and programme for sustaining muallaf belief and thought*. *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)* 66: 35-43.
- Hamizul A. Hamid. (2012). *Eksklusif Zakat Selangor* : Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

- Hasanah A. Khafidz. (2017). *Pentafsiran Asnaf Zakat di Malaysia Mengikut Masa dan Tempat*. Negeri Sembilan : Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- <http://dewan.selangor.gov.my/question/pembangunan-asnaf-zakat/>
- <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=pembangunan>
- <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/12/293625/syukur-lzs-santuni-asnaf-lagi>.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (2010). (*Edisi Keempat*). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Maamin Md Shahjehan,. (2009). *Cabaran Getir Saudara Baru. Utusan Melayu* (Oktober 27).
- Manzur Ibn. (1416H/1996M). *Lisan al-Arab (Cet. Berwarna)*. Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- A'thiroh Masyaa'il Tan A. Nur (2009). *Cabaran Psikologi Saudara Baru: Kajian Di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*, Kuala Lumpur.
- Mastura Ahmad & Mohd Shahril Ahmad Razimi.(2018). Training Based Organization Approach From Islamic Perspective. *Ikonmika, Journal of Islamic Economics and Business*, Vol3(1):35-42.
- Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd al-Ra'uf. (1350H) *Qamus Idris al-Marbawi Arabi-Malayuwi (Edisi 4)*. Mesir. Matbaah Mustafa al-Babi a-Halabiwa Awladuhu.
- Mubarakfuri, Safi al-Rahman. Terjemahan Senawi Ali, M. Darus. (2005). *Sirah Nabawiyyah Ar-raheq Al-makhtum* : Penerbitan Seribu Dinar. Kuala Lumpur.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din bin Sharaf. (t.th.) *al-Majmu Sharh al-Muhadhdhab*. T.tp : T.pt.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2000). *Fiqh al-Zakah : Dirasah Muqaranah li Ahkamihawa Falsafatiha Fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. (Edisi 24). Beirut : Mu'assasat al-Risalah.
- Rawi Nordin @Tutasting, A.Said, A.G Baba, Hasan Bahrom & Normala Rabu. (2010). *Laporan penyelidikan Perluasan Konsep Asnaf Mualaf Zakat*. Shah Alam. Institut Pengurusan Penyelidikan UiTM, Shah Alam : UiTM Press.
- Redzuwan Mohd Yunus. A. & Nur Kareelawati Karim. A. (2005). Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit, Faudzinaim Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*. Bangi: Pusat Islam UKM.
- Salleh M.Syukri. (1990) *kajian Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. ISDEV: USM.
- Sanep Ahmad. (2012). Membangun Keusahawanan Asnaf: Analisis Konsep Model Pemindahan Teknologi. Prosiding, Persidangan Kebangsaan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-7.
- Suhaimi, (2017) *Sumbangan Institusi Zakat Terhadap Fakir Dan Miskin: Kajian Perbandingan Antara Badan Amil Zakat (BAZ) Riau Dan Lembaga Zakat Selangor-Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*, Kuala Lumpur.
- Tamuri, A.B. Halim. (2011) *Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Program dan Kursus Institut Latihan Dan Dakwah Selangor (ILDAS)*, *Kajian Laporan* : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Selangor.
- Yakan Fathi. (2007). *Bahtera Penyelamat dalam Kehidupan Pendakwah*, Selangor : Dewan Pustaka Fajar. h. 64.
- Al-Zuhayli, Wahbah, (1417H/1996M) *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. (Cet.ulangan). Damsyiq : Dar al-Fikr.